

Soalan No:25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 24.10.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:

- (a) secara terperinci mengapakah semua sekolah sehingga kini masih belum menerima peruntukan penyelenggaraan yang dijanjikan oleh Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2017 ; dan
- (b) bagaimana Kerajaan dapat memastikan kelewatan pemberian peruntukan penyelenggaraan yang berlaku pada tahun 2016 tidak akan berulang .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menyelesaikan pengagihan peruntukan penyelenggaraan tahun 2017 kepada semua jenis aliran sekolah secara berperingkat-peringkat. Pengagihan peruntukan dibuat melalui Lembaga Pengelola Sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi melaksanakan projek penambahbaikan dan penyenggaraan di sekolah-sekolah yang memerlukan.

- (b) KPM mengangkat permohonan keperluan peruntukan penyelenggaraan semua jenis sekolah kepada agensi pusat berdasarkan prosedur ditetapkan. KPM yakin kerajaan tidak akan mengabaikan penyediaan peruntukan penyelenggaraan kepada semua jenis sekolah untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan negara ini. KPM juga akan memastikan pihak-pihak yang terlibat dapat menyerahkan senarai sekolah dan salinan penyata bank terkini Lembaga Pengurus Sekolah bagi memastikan peruntukan tersebut diturunkan mengikut jadual.

RJM03